



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KELULUSAN PEMANJANGAN KEMUDAHAN CUTI TUGAS KHAS
PERUBATAN SERTA CUTI TIBI, KUSTA DAN BARAH KEPADA
PEGAWAI PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI KONTRAK**

Kementerian Kesihatan Malaysia merujuk kepada ciapan yang dimuat naik melalui akaun *Twitter HartaDoktorKontrak* berhubung kemudahan Cuti Tibi, Kusta dan Barah yang menyatakan bahawa *"it was simply a word of mouth by KJ, no black and white"*.

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan Kerajaan telah bersetuju meluluskan kemudahan Cuti Tugas Khas Perubatan dan Cuti Tibi kepada pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak. Pemakluman mengenai kelulusan pemanjangan kemudahan ini telah diterima daripada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 27 Disember 2021 yang mana menjelaskan kelulusan dan pelaksanaan kemudahan Cuti Tugas Khas Perubatan serta Cuti Tibi, Kusta dan Barah kepada pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak.

Selaras dengan pemakluman tersebut, surat edaran telahpun dikeluarkan bagi menjelaskan kelulusan dan pelaksanaan kemudahan cuti tersebut kepada semua Ketua Jabatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, dimaklumkan.

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

30 Disember 2021